

SOALAN NO: 110

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Bertulis

**DARIPADA** : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj  
[Sungai Siput]

**SOALAN** : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj  
minta **MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan: -

sama ada Kerajaan bercadang menggunakan kapal terbang kecil (*drone*) ataupun *GPS marker* untuk memantau kapal-kapal tunda dan memastikan mereka tidak mencero bohi kawasan laut yang terletak kurang daripada 20 batu nautika dari persisiran.

26

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia tidak bercadang untuk menggunakan kapal terbang kecil (*drone*) bagi tujuan pemantauan vesel pukat tunda yang menceroboh ke kawasan perikanan kurang daripada 20 batu nautika dari pesisir pantai. Ini kerana penggunaan alat tersebut adalah kurang sesuai mengambil kira faktor seperti cuaca dan kelajuan angin.

Bagi memantau pergerakan vesel dan memastikan keselamatan nelayan di laut, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Mei 2016 telah meluluskan cadangan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mewajibkan pemasangan Sistem Identifikasi Automatik (AIS) ke atas vesel pukat tunda zon B, C dan kenka dua bot. Dalam hal ini, vesel pukat tunda yang menceroboh ke kawasan perikanan zon A dapat dikesan dan diambil tindakan. Peralatan AIS ini menggunakan *very high frequency* (VHF) bagi tujuan transmisi yang lebih stabil bagi tujuan pemantauan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.